



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (05 NOVEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **enam (6) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kesemua kes tersebut adalah di daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 942 kes.**

#### **A. Kes COVID-19 Baharu**

##### **Daerah Kuching (6 Kes Baharu).**

##### **I. Kes Saringan bagi Kontak Kluster Greenhill (1 Kes Baharu)**

Kes Ke-937 merupakan seorang wanita warganegara Indonesia yang mempunyai kontak rapat kepada kes positif COVID-19 iaitu kes Ke-818 yang telah dilaporkan pada 27 Oktober 2020. Kes adalah merupakan pembantu rumah kepada keluarga kes Ke-818.

Kes ini telah menjalani ujian saringan pertama pada 27 Oktober 2020 melalui aktiviti pengesanan kontak rapat tetapi didapati negatif ujian rT-PCR untuk COVID-19. Ujian saringan kedua pada 04 November 2020 telah mendapati kes ini positif COVID-19.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes ini juga tidak mempunyai sejarah balik ke negara asal atau kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh 3 bulan yang lepas. Kes telah dimasukkan ke dalam wad pengasingan di hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut dan kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **II. Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Wisma Saberkas (3 Kes Baharu)**

Kes Ke-938 adalah merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan sendiri COVID-19 di sebuah hospital swasta pada 4 November 2020 kerana mempunyai pergerakan ke premis-premis di Wisma Saberkas. Ujian rT-PCR mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kes Ke-940 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah makmal perubatan swasta kerana mempunyai kontak rapat kepada seorang kes positif COVID-19 iaitu kes Ke-932 yang telah dilaporkan pada 4 November 2020. Kes ini juga tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kes Ke-941 adalah merupakan wanita warganegara tempatan yang telah menjalani saringan sendiri di sebuah makmal swasta pada 4 November 2020. Kes ini menjalani saringan sendiri kerana mempunyai sejarah pergerakan melawat premis-premis di bangunan Wisma Saberkas. Kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Ketiga-tiga kes ini telah dimasukkan ke wad pengesanan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

### **III. Kes Saringan Kendiri Di Hospital Swasta (1 Kes Baharu)**

Kes Ke-939 ini merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang telah menjalani saringan sendiri di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching. Kes telah menjalani saringan COVID-19 di hospital swasta tersebut pada 4 November 2020 disebabkan kes merasakan kurang sihat dan keputusan ujian rT-PCR kes ini didapati positif pada hari yang sama. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas. Kes ini masih dalam siasatan dan pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan.

#### **IV. Kes Saringan Individu Bergejala (1 Kes Baharu)**

Kes Ke-942 ini merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah klinik kesihatan kerajaan kerana mengalami demam dan batuk sejak 30 Oktober 2020.

Kes ini adalah seorang pekerja di sebuah pusat kecergasan (*Gymnasium*) di Bandaraya Kuching dan tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 di dalam negara dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas.

Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan sehingga punca jangkitan diketahui, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

#### **B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat enam (6) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

**i) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.**

Terdapat penambahan satu (1) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 64 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 762 individu telah disaring, dimana:

- 64 kes dikesan positif COVID-19;
- 682 individu negatif dan
- enam (6) individu masih menunggu keputusan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 8.40%. Sehingga 5 November 2020, jam 12:00 tengah hari, dua (2) kes telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital. Ini menjadikan jumlah kes yang terlibat di dalam kluster ini yang masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital adalah seramai 62 dan kesemua mereka adalah dalam keadaan stabil.

**ii) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.**

Hari ini, terdapat tiga (3) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai sembilan belas (19) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 679 individu telah disaring, dimana:

- 19 kes dikesan positif COVID-19;
- 645 individu negatif; dan
- 15 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 2.80%. Sehingga 5 November 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

**iii) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

**iv) Kluster Baki di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 30 orang termasuk kes indeks. Ini tidak termasuk 12 kes yang telah dikesan dan dilaporkan di Perak melibatkan kluster ini.

**v) Kluster Seladah di Daerah Kuching.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

**vi) Kluster Putra di Daerah Bintulu.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

**C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **dua belas (12)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Seramai sebelas (11) kes telah didiscaj dari Hospital Umum Sarawak dan seorang (1) kes telah didiscaj dari Hospital Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **789** orang atau **83.76%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **134** orang iaitu:

- 107 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 23 kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibul.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.02%**.

Hari ini **21 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiga (3)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 122 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah menilai situasi semasa yang berlaku di Sarawak dan beberapa keputusan berikut telah dibuat:

### **A. Perhimpunan Orang Ramai**

Bagi majlis sosial dan rasmi yang membabitkan perhimpunan orang ramai, hanya dibenarkan maksimum **200 orang sahaja** dan mengikut saiz ruang serta penjarakan fizikal.



JPBN menegaskan kepada pihak penganjur supaya memastikan *hand sanitizer* disediakan, penjarakan fizikal diamalkan dan semua yang hadir diwajibkan untuk memakai topeng pelitup muka. Pihak penguatkuasa akan mengambil tindakan tegas sekiranya terdapat mana-mana penganjur yang tidak mematuhi SOP yang telah disediakan.

### **B. 50 peratus (50%) Kapasiti Pelanggan Di Kafe dan Restoren**

Semua Kafe dan Restoren di daerah Kuching hanya dibenarkan 50 peratus (50%) pelanggan yang datang daripada jumlah kapasiti premis. Arahan ini berkuatkuasa mulai 6 November 2020.

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **tiga (3) kompaun** di Daerah Padawan (3) dan Miri (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **132 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (41), MPP (27), SMC (24), MD Marudi (23), BDA (11), MDMJ (3), MD Serian (2) dan MD Lundu (1).

#### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,635 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (234), Restoran (286), Kilang (8), Bank (129), Pejabat Kerajaan (71), Penjaja (33), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (95), Tempat Riadah (51), Tapak Pembinaan (19) dan lain-lain (632).

Seramai **560 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (260), ATM (32), RELA (132), APM (84), PBT (38), KKM (8) dan lain-lain agensi (6).

#### **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,246** jumlah kenderaan telah diperiksa.

#### **6. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Kita mohon agar rakyat Sarawak sedar dan mengambil maklum, jumlah kes positif yang telah dilaporkan semakin meningkat. Beberapa tindakan telah diambil sebagai langkah pencegahan seperti yang telah diumumkan sebelum ini. Yang lebih penting, semua rakyat Sarawak mesti memainkan peranan masing-masing untuk menentukan penularan COVID-19 ini dapat diputuskan seperti yang telah kita capai sebelum ini. Walau bagaimanapun kita masih melihat ada sekumpulan kecil rakyat Sarawak masih leka untuk tidak mematuhi SOP yang telah diarahkan.

Pihak penguatkuasa telah diarahkan untuk mengambil tindakan yang tegas kepada sesiapa yang melanggar peraturan yang ditetapkan. Semua ini di buat adalah bagi kepentingan rakyat Sarawak dengan matlamat untuk memutuskan rantai COVID-19 secepat mungkin supaya rakyat Sarawak dapat terus menjalani kehidupan seperti biasa.

Daerah Kuching masih lagi berstatus merah. Oleh itu orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengelakkan pergerakan bagi mengurangkan peningkatan kes khususnya bagi penduduk di sekitar daerah Kuching. Sekiranya tidak ada keperluan mendesak atau penting adalah dinasihatkan untuk terus kekal berada di rumah. Sekali lagi saya ingin mengingatkan kepada rakyat Sarawak bahawa peperangan ini hanya akan berjaya sekiranya semua pihak berganding bahu dan berkerjasama.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**05 NOVEMBER 2020**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	927	Total Cases still in ward	134	14.23%
New Cases	6	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	151,679	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	942	Total Death Cases	19	2.02%
IR per 100,000 population	30.54	Recovered and discharged cases	789	83.76%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	17	9,299	21	10,244
Pending Result	3	3		
		<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	107	2	2	23	0	134
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	11	0	1	0	12
	Cummulative	658	39	47	43	789
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	19	6,787	6	605	11	493	0	12	100	136	122
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>6,787</b>	<b>6</b>	<b>605</b>	<b>11</b>	<b>493</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>100</b>	<b>136</b>	<b>122</b>

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	261	0	7	0	3	0	0	4	4	4
2	Miri	0	904	0	51	0	30	0	1	20	20	11
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>1,198</b>	<b>0</b>	<b>69</b>	<b>0</b>	<b>42</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>16</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	0	576	0	114	0	109	0	4	1	1	0
2	Bintulu	2	320	0	49	1	47	0	0	2	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	121	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	24	0	7	0	4	0	0	3	3	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>2,259</b>	<b>0</b>	<b>268</b>	<b>1</b>	<b>254</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>9</b>	<b>10</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>21</b>	<b>10,244</b>	<b>6</b>	<b>942</b>	<b>12</b>	<b>789</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>134</b>	<b>171</b>	<b>138</b>
---------------------	-----------	---------------	----------	------------	-----------	------------	----------	-----------	------------	------------	------------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **147** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **26 buah hotel** adalah seramai **2,288 orang**. Manakala seramai **29,603 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 05.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,381)	Hock Lee	140
2		Kuching Park	127
3		Hilton	258
4		Harbour View	240
5		Riverside (Astana Wing)	243
6		Tune Hotel	92
7		Dormani Hotel	40
8		Grand Continental	177
9		Meritin	64
10	Miri (490)	Mega Hotel	50
11		Imperial Palace	140
12		Eastwood Valley	49
13		Meritz	82
14		Miri	34
15		Dynasty	102
16		Citi Hotel	33
17	Bintulu (155)	Wasan Inn	33
18		Kidurong Inn	35
19		Motel Kapok	59
20		Faber Inn	28
21	Limbang (168)	Purnama	66
22		Seri Malaysia (Lawas)	84
23		Shangshan (Lawas)	0
24		Mandarin (Lawas)	18
25	Sibu (94)	Premier	94
<b>Jumlah PUS</b>			<b>2,288</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (3), Sri Aman (1), Miri (1) dan Limbang (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,918 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 05.11.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>3</b>	<b>630</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>361</b>
3	Sibu	TIADA	188
4	Samarahan	TIADA	128
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
<b>7</b>	<b>Limbang</b>	<b>1</b>	<b>88</b>
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	57
<b>10</b>	<b>Sri Aman</b>	<b>1</b>	<b>54</b>
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	TIADA	51
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,918</b>



#### 4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **57 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 05.11.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	5
4	MP Sibu	9
5	BDA	8
6	MCC	15
7	MD Marudi	5
8	MD Lawas	9
<b>Jumlah</b>		<b>57</b>